

## **BAB 1 :SEJARAH AWAL ORANG CINA DAN KONGSI GELAP DI SUNGAI**

### **UJONG**

Untuk mengetahui tentang kedudukan kongsi gelap Cina di Sungai Ujong , kita patut mengkaji tentang latar belakang geografi , sistem politik , pentadbiran , ekonomi dan demografi Negeri Sembilan dan Sungai Ujong secara umum. Ini penting untuk kita memahami hubungan dan tindakbalas di antara keadaan tempatan dengan kedudukan geografi.

#### **Kedudukan Geografi Negeri Sembilan dan Sungai Ujong**

Keadaan politik di Sungai Ujong , Negeri Sembilan agak unik jika dibandingkan dengan Negeri-negeri Melayu yang lain. Kawasan ini juga menghadapi pergolakan politik antara pembesar-pembesar Melayu dengan kongsi-kongsi gelap. Hubungan antara pembesar-pembesar Melayu agak tegang kerana mereka ingin menguasai kawasan perlombongan bijih timah yang sangat lumayan.

Negeri Sembilan<sup>1</sup> hari ini hanya terdiri daripada Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, Johol, <sup>1</sup>Ulu Muar, Inas, Gunung Pasir, Terachi dan Jempul. Walaupun daerah-daerah dalam Negeri Sembilan sering berubah, tetapi Sungai Ujong masih kekal sejak awal hingga sekarang.<sup>2</sup> Sungai Ujong <sup>3</sup> terletak di cabang Sungai Linggi. Ia bersempadan dengan Jelebu di bahagian utara, sebahagian Rembau di selatan Sungai Linggi, Sri Menanti di timur dan Selangor di barat. Sungai Ujong juga bersempadan dengan Naning dan Johol di selatan, sebahagian Naning dan Selangor di barat serta Sri Menanti dan Johol di timur.<sup>4</sup>


Sungai Ujong merupakan daerah yang terbesar dan tertua di antara daerah yang dinamakan Negeri Sembilan. Sungai Ujong wujud sejak akhir abad ke-14 Masihi (M).

Sejarah Melayu mencatatkan bahawa selepas Majapahit mengalahkan Singapura, Raja Melayu Singapura melarikan diri ke Muar lalu ke Sungai Ujong dan meninggalkan seorang menteri untuk memerintah di situ. Seterusnya angkatan Raja Singapura ke Sungai Bertam dan membuka sebuah negeri yang dinamakan Melaka. Ini membuktikan bahawa Sungai Ujong telah wujud sebelum pembukaan Melaka.<sup>5</sup>

Sungai Ujong adalah suatu kawasan yang luas sehingga merangkumi sebahagian Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka hari ini. Justera itu, sejarah perkembangan kawasan ini juga berkait dengan negeri-negeri ini. Kajang, Rakeh, Semenyah, Kelang dan Berancang yang pernah dikuasai oleh Sungai Ujong satu ketika dahulu, kini telah menjadi hak milik Selangor. Begitu juga dengan Segamat dan Naning yang sudah bertukar tangan kepada Johor dan Melaka.<sup>6</sup>

Sungai Ujong kini dikenali sebagai Seremban.<sup>7</sup> Nama Seremban hanya digunakan selepas campur tangan British secara rasmi pada tahun 1874 iaitu selepas tamat perperangan antara Dato Kelana dan Dato Bandar. Ia merupakan kawasan di daerah Seremban dan sebahagian dari sempadan daerah Port Dickson. Pekan dan daerahnya juga dipanggil Seremban. Kini, nama Sungai Ujong hanya tinggal sebagai gelaran atau pangkat yang dikurniakan kepada ‘Dato’ Kelana Putera dan Undang Luak Sungai Ujong. Sungai Ujong moden hari ini terdiri daripada banyak sungai di kaki bukit Jelebu (Bukit Beremban). Sebelum abad ke-19M, orang Melayu dari Sumatera menuju ke arah Linggi, Seremban, Pantai dan Langat untuk membentuk kawasan penempatan.<sup>8</sup>

Sketch Sunga




Sumber : "Mr.P

Singapore to Sungai Ujong, Batam


Government Papers Relating to the Malay Peninsula , 1870-1882.

Peta Sungai Ujong , 1875



Sumber : Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Peta Sungai Ujong , 1888



Sumber : Arkib Negara , Kuala Lumpur.

## Sistem Politik Negeri Sembilan dan Sungai Ujong

Sistem politik Sungai Ujong harus diperinci untuk meninjau penglibatan pendatang Cina dalam pengolakan politik tempatan. Penulis-penulis awal seperti Newbold, Lister, Wilkinson, Parr & Ma Kray dan Hervey menyenaraikan sembilan buah wilayah yang terangkum di bawah Negeri Sembilan. Kerajaan di sembilan negeri ini diperintah oleh seorang ketua yang dinamakan Penghulu. Beliau dibantu oleh ahli-ahli majlis dan empat orang pengawai yang dikenali sebagai suku.<sup>9</sup>

Sungai Ujong pernah menjadi negeri jajahan kepada Sriwijaya, Majapahit, Melaka, Johor Lama dan British. Sungai Ujong telah mengalami tiga peringkat perubahan politik yang penting. Pertama, ia terletak di bawah kewibawaan dan kekuasaan para pembesar tempatan atau pembesar yang dilantik oleh kerajaan Srivijaya, Majapahit, Melaka dan Johor Lama. Kedua, orang Minangkabau datang secara beramai-ramai dan menetap di Sungai Ujong dan Negeri Sembilan. Pada abad ke-3M, kedatangan orang Bugis telah mengancam keutuhan Adat Perpatih<sup>10</sup> orang Minangkabau. Akhirnya kedatangan orang Cina yang terlibat dalam perkembangan bijih timah di bawah kawalan para pembesar di Sungai Ujong telah mempopularkan kawasan Sungai Ujong. Perbezaan sistem politik Sungai Ujong amat jelas berbanding dengan Negeri-negeri Melayu yang lain. Kehadiran orang Cina mempunyai kesan ke atas perkembangan sistem politik Negeri Sembilan, khususnya di Sungai Ujong.<sup>11</sup>

Malahan J.M.Gullick telah memberi pendapat tentang keunikan situasi politik di Negeri Sembilan. Menurut beliau,

*The royal lineage was weaker than in the other states and it was in sharper opposition to the non-royal ruling. In Negeri Sembilan the centrifugal forces were stronger. Each district was a separate political unit in which hostility to neighbouring districts was the normal state of Yam Tuan affairs.*<sup>12</sup>

Sungai Ujong menyaksikan konflik antara pembesar-pembesar Melayu kerana berlakunya perebutan kuasa politik dan kepentingan ekonomi. Menurut Sherifah Khan, konflik yang berlaku di Sungai Ujong disebabkan oleh dua faktor. Pertama, kedudukan kawasan Sungai Linggi yang strategik dan membawa pulangan yang lumayan tidak mempunyai sempadan yang jelas. Ini menyebabkan ramai pihak mendakwa kawasan Sungai Linggi yang menguntungkan adalah hak mereka yang sah. Kedua, persaingan kuasa antara Dato Kelana dan Dato Syahbandar untuk mendapatkan hak politik yang sah, tetap dan pengiktirafan. Pengiktirafan sebagai pemerintah yang sah adalah penting untuk mengawal sumber ekonomi di Sungai Ujong. Tekanan dan ancaman dari luar terutamanya Selangor dan Rembau turut meruncingkan situasi yang sedia ada.<sup>13</sup>

Orang Cina dan British pula mengambil sikap menyokong atau memihak kepada mereka yang dilihat dapat memberikan keuntungan. Tujuannya adalah supaya kegiatan perdagangan, perlombongan dan perniagaan mereka di Sungai Ujong tidak terjejas dan merugikan. Saudagar-saudagar di Melaka telah menghantar beberapa memorandum kepada Negeri-Negeri Selat dan mendesak agar British campur tangan di Sungai Ujong.<sup>14</sup>

Kepentingan Sungai Linggi sebagai saluran perhubungan utama dan perdagangan di antara Sungai Ujong dengan Melaka tidak boleh dinafikan. Pada tahun-tahun 1870-an, Sungai Linggi boleh dilalui dan dimudiki oleh bot-bot besar, lebih kurang enam batu dari laut. Kedudukan sedemikian penting dalam pengangkutan timah dari lombong-lombong di kawasan pedalaman.<sup>15</sup> Kedudukan dan kepentingan ekonomi ini kemudiannya telah mempengaruhi perubahan politik Sungai Ujong. Pada waktu ini, konflik dalaman yang erlaku di Sungai Ujong telah menggugat keamanan dan ketenteraman kawasan ini. Konflik ini melibatkan persaingan kuasa antara Dato Kelana Putera Syed Abdul

Rahman<sup>16</sup> dengan Dato Bandar Abdullah Tunggal.<sup>17</sup> Faktor yang mencetuskan perebutan kuasa ini adalah kerana masing-masing ingin mendominasi kuasa politik dan ekonomi di Sungai Ujong tanpa berkongsi dengan sesiapa. Ini menyebabkan keadaan di Sungai Ujong menjadi kucar-kacir.

### **Kedatangan Orang Cina ke Negeri Sembilan dan Sungai Ujong**

Menurut catatan Buku Sejarah Dinasti Han , sejak pemerintahan Maharaja Wu Ti, negara China telah menjalin hubungan perdagangan dengan kerajaan-kerajaan luar negeri yang berdekatan dengan Selatan China. Buku Sejarah Dinasti Liang pula mencatatkan, Tun Sun di Semenanjung Tanah Melayu sudah menjadi pusat perdagangan pada abad ke-6 , di mana ramai pedagang China sudah menjalankan perdagangan dengan peniaga-peniaga tempatan dan asing. Hubungan antara dua rantau ini lebih giat pada zaman Dinasti Tang . Sebenarnya, penghijrahan orang Cina ke negeri-negeri selatan China bermula sejak dinasti ini kerana sebelumnya orang Cina yang belseyar ke rantau asing adalah golongan sami dan duta negara dengan tujuan untuk melawat sahaja dan bukan untuk berhijrah.<sup>18</sup>

Terdapat tiga corak imigrasi orang Cina di Tanah Melayu. Pertama, sejak awal abad ke-15 hingga pembentukan Negeri-negeri Selat oleh British. Tahap ini telah melahirkan komuniti Baba (Straits Chinese). Tahap kedua pula ialah pada tahun-tahun 1820-an yang meyakinkan penghijrahan buruh beramai-ramai. Tahap ketiga pula bermula dari awal abad ke-20 sehingga Perang Dunia Kedua. Orang Cina pada tahap ini sudah mempunyai kesedaran politik dan keadaan ini menyebabkan mereka mula melibatkan diri dalam kegiatan politik di Tanah Melayu.<sup>19</sup>

Adalah tidak mudah bagi orang Cina untuk meninggalkan negara mereka. Ini kerana orang Cina percaya roh nenek moyang yang mati perlu disembahyangkan demi mendapat perlindungan. Anak cucu yang mengabaikan kubur nenek moyang dianggap tidak taat setia. Sesiapa yang meninggalkan kampung halaman dianggap sebagai orang jahat. Kerajaan juga menyokong adat-resam dan budaya seperti ini. Mereka menganggap kehilangan rakyat tidak boleh ditebus dengan sebarang keuntungan perdagangan hasil daripada pelayaran ke rantau asing.<sup>20</sup>

Dalam keadaan ini sudah tentu terdapat faktor tolakan yang mendorong penghijrahan.<sup>21</sup> Pertambahan penduduk negara China turut menyebabkan penghijrahan orang Cina kerana tanah tanaman semakin berkurangan. Ini menyebabkan berlaku kekurangan bahan makanan asas seperti padi di Tanah Besar China.<sup>22</sup> Masalah ini semakin serius di China selepas peristiwa pembakaran hasil tanaman oleh kerajaan di provinsi Fujian, Kuang Dong dan kawasan pinggir laut di Zhe Jiang. Kes ini berlaku kerana ramai penduduk yang memberi bantuan kepada golongan anti kerajaan Qing. Layanan yang buruk ini telah menyebabkan mereka sudi meninggalkan negara asal untuk mencari tempat tinggal yang lebih selesa dan kaya di rantau asing.

Selain daripada itu, negara China juga merupakan sebuah negara yang sering dilanda bencana alam seperti banjir dan musim kemarau. Sepanjang zaman pemerintahan Dinasti Qing selama 267 tahun, telah berlaku 440 kes musim kemarau dan 1,036 kes banjir di wilayah Hu Bei. Musim kemarau yang paling ketara telah berlaku antara tahun 1877 - 1878 dan ini menyebabkan seramai 5-6 juta orang kehilangan tempat tinggal dan mati kelaparan.<sup>23</sup>

Keadaan politik di China pada masa itu adalah tidak stabil. Pemberontakan Tai Peng<sup>24</sup> telah menjaskan pengeluaran pertanian sehingga menyebabkan orang Cina mengambil

keputusan untuk meninggalkan negara mereka. Majoriti penghijrah China Selatan adalah golongan anti Manchuria kerana mereka tidak puas hati dengan dasar-dasar kerajaan. Mereka telah meluaskan pengaruh di daerah yang tiada pengaruh kerajaan dengan tujuan untuk menggulingkan kerajaan Manchu mereka.<sup>25</sup>

Sifat keperibadian yang dimiliki oleh orang Cina Selatan juga mempengaruhi mereka untuk berhijrah ke rantau asing. Ramai daripada orang China Selatan yang berhijrah ke rantau asing adalah lebih agresif dan bersemangat berbanding dengan orang Cina Utara yang lebih konservatif. Sifat ini menyebabkan majoriti penghijrah adalah berasal dari China Selatan.

Sejak Dinasti Ming, rakyat China dilarang merantau ke seberang laut. Undang-undang Dinasti Qing (大清律例) dalam fasal 225 juga mencatatkan artikel yang mengharaman kegiatan pelayaran dan penghijrahan. Namun begitu, perubahan keadaan ekonomi yang berlaku di China telah mendorong orang Cina merantau ke tempat lain. Keadaan ini berlaku kerana kemelesetan ekonomi dan keinginan untuk menambahkan perbendaharaan sehingga menyebabkan undang-undang tidak dapat dilaksanakan dan terpaksa dibatalkan pada tahun 1894. Selain daripada itu, pengaruh iklim juga merupakan faktor minor dalam menggalakkan penghijrahan orang Cina dari China Selatan. Ini kerana iklim kedua-dua rantau ini agak sama.<sup>26</sup>

Di samping faktor-faktor di atas, suasana Tanah Melayu abad ke-19 juga turut menjadi tarikan kepada penghijrahan orang Cina. Sejak abad ke-19, Inggeris telah mengeksplot ekonomi Tanah Melayu dengan menggalakkan kegiatan perlombongan dan pertanian secara besar-besaran. Perkembangan ini telah menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada golongan penghijrah Cina. Keadaan sedemikian telah menggalakkan kedatangan orang Cina secara beramai-ramai ke Tanah Melayu untuk mencari pekerjaan dalam sektor perlombongan bijih timah.

Pada akhir abad ke-19, perlombongan timah dan pertanian komersial telah berkembang maju di Tanah Melayu. Keadaan ini telah menambahkan permintaan buruh yang murah kerana kekurangan dalam penggunaan peralatan berteknologi. Di Negeri-negeri Selat, orang Cina yang berjaya menjadi pedagang yang kaya telah mengambil ramai saudara mara dari kampung halaman mereka untuk memperluaskan perniagaan dan pelaburan dalam perlombongan. Ini telah membawa kepada perkembangan kawasan perlombongan Cina yang baru seperti Lukut, Sungai Ujong dan Kuala Lumpur.<sup>27</sup>

Kebanyakan imigran Cina yang datang ke Tanah Melayu berasal dari pelbagai bahagian yang berbeza dari China Selatan dan bertutur dalam dialek yang berbeza. Majoriti adalah dari wilayah Kuang Dong, Kang Xi, dan Fujian. Buruh-buruh ini terdiri daripada buruh kasar dan tukang kerja yang bekerja sementara di rantau ini. Golongan ini berasal dari kelas sosial rendah dan berpendidikan rendah. Mereka berharap dapat membaiki kehidupan dan membawa kembali kekayaan ke China.<sup>28</sup> Mereka tidak berniat untuk tinggal tetap di sini kerana bimbang berkemungkinan tiada orang untuk menjaga tempat pengebumian nenek moyang yang merupakan asas sistem kekeluargaan China.

Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, majoriti orang Cina berasal dari provinsi maritim di China Selatan iaitu Kuang Dong, Fujian dan Pulau Hainan. Penduduk di provinsi-provinsi ini tidak bertutur dalam bahasa rasmi tetapi menggunakan dialek masing-masing.<sup>29</sup> Kewujudan dialek yang berbeza itu menyebabkan terdapat jurang perbezaan antara orang Cina. Pembahagian dialek mengikut puak telah membuktikan sifat orang Cina yang suka berpuak-puak dan hanya mempunyai sedikit perasaan kasih sayang antara satu sama lain. Ini kerana mereka ingin mengekalkan kepentingan ekonomi masing-masing.<sup>30</sup>

Di Tanah Melayu, buruh Cina hanya bekerja sementara dan tidak mempunyai matlamat untuk membentuk kawasan penempatan yang tetap. Kerajaan juga tidak mempunyai rancangan untuk menggalakkan orang Cina melibatkan diri dalam pelaburan jangka panjang seperti dalam bidang pertanian padi.<sup>31</sup> Buruh Cina ini biasanya tinggal di kawasan yang diorganisasi atas prinsip dialek dan hubungan persaudaraan. Walaupun mereka berasal dari kampung yang sama tetapi interaksi antara pelbagai kumpulan adalah kurang sekali.<sup>32</sup> Di Tanah Melayu, kawasan utama tumpuan orang Cina ialah di Melaka, Pulau Pinang, Singapura, Selangor, Pahang, Perak dan Sungai Ujong di Negeri Sembilan.<sup>33</sup>

Pada abad 19, Sungai Ujong hanya dikenali sebagai sebuah perkampungan yang kecil. Ekoran penemuan timah, ia telah menggalakkan ramai orang Cina berpindah dari Melaka ke kawasan pedalaman Negeri Sembilan. Perpindahan ini penuh dengan cabaran dan terdedah kepada bahaya kerana sepanjang perjalanan mereka dari perairan Melaka ke Sungai Ujong terdapat banyak binatang liar.<sup>34</sup>

Tarikh kedatangan sebenar orang Cina ke Sungai Ujong tidak dapat dipastikan. Bukti terawal kewujudan orang Cina di Sungai Ujong adalah pada tahun 1828. Pada tahun itu, Sungai Ujong sudah mempunyai seramai 1,000 orang buruh lombong Cina.<sup>35</sup> Ramai di antara pelombong Cina yang berpusat di Rasah adalah puak Hui Chou dan Jia Ying Chou Hakka.<sup>36</sup> Mereka berpecah kepada sembilan buah kongsi yang diketuai oleh seorang towkay yang merupakan ketua kepada Tian Ti Hui atau Triad Society atau kongsi gelap. Pada tahun 1832, terdapat seramai 3,200 orang Melayu dan 400 orang pelombong Cina di Sungai Ujong. Ramai di antara pelombong Cina telah melarikan diri ke Melaka setelah berlaku kekacauan pada tahun 1833.<sup>37</sup>

Pada awal abad ke-19, orang Cina di Sungai Ujong adalah buruh lombong di Durian Tunggal dan Kesang di kawasan bandar Melaka. Mereka pernah menetap di Lukut sebelum berhijrah ke Sungai Ujong. Lukut adalah perbatasan Sungai Ujong yang kaya dengan timah untuk memenuhi permintaan timah yang semakin meningkat. Pembesar Melayu membenarkan orang Cina melombong di Lukut. Mereka berjaya meluaskan kegiatan perlombongan ke Lukut kerana memiliki kemahiran dalam perlombongan timah secara berkesan. Orang Cina berpindah dari Lukut ke seluruh kawasan di Tanah Melayu, termasuk Sungai Ujong, Lembah Kelang dan Lembah Kinta.<sup>38</sup>

Pelombongan Cina yang paling awal mendominasi Sungai Ujong adalah puak Hakka dan mereka berhijrah dari Melaka ke Sungai Ujong kerana pada masa itu puak Hokkian telah menguasai sebahagian besar perdagangan di Melaka. Puak Hakka ialah kumpulan minoriti yang masih tidak berupaya untuk bersaing dengan mereka. Hal ini dipersetujui oleh sarjana Blythe yang berpendapat puak Kantonis dan Hakka yang ingin mencari kekayaan terpaksa mengadu nasib mereka di kawasan yang bebas daripada pengaruh puak Hokkian.<sup>39</sup>

Pada tahun 1872, bilangan orang Cina di Sungai Ujong sudah mencapai 15,000 orang pelombongan.<sup>40</sup> Ramai di antara mereka ialah pelarian dari Lembah Kelang. Ini telah menyebabkan wujud dua kumpulan orang Cina yang berasal dari daerah yang berbeza. Penghijrahan ini telah menjurus ke arah pembentukan dua kumpulan kongsi gelap yang berbeza. Di Sungai Ujong dua kongsi yang paling berpengaruh ialah kongsi Hai San dan Ghee Hin. Kongsi Hai San diketuai oleh kapten Wang Ying. Mereka mengawal sebilangan besar orang Cina di Sungai Ujong, termasuklah puak Kantonis dan Hakka-Fui. Kongsi Ghee Hin pula diketuai oleh Kapitan Ng Kim. Ramai ahli Ghee Hin yang merupakan puak Hakka dari Ka Yin Chiu.<sup>41</sup>

Tiada catatan tentang bilangan penduduk Cina di Sungai Ujong atau Seremban pada tahun 1891. Pada tahun 1901, lebih kurang 53.67 % penduduk di Negeri Sembilan menetap di Seremban, jumlah ini bertambah hingga mencapai 54.33% pada tahun 1911 (Jadual 1.1 dan 1.2).

Jadual 1.1 : Orang Cina Di Negeri Sembilan

Daerah	Tahun		
	1891	1901	1911
Seremban		17,683	22,188
Pantai (Coast )		3,968	6,311
Jelebu		4,279	4,208
Kuala Pilah		4,690	4,010
Tampin		2,311	4,126
Jumlah	15,391	32,951	40,843

Sumber : **Banci Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1901 dan 1911,**  
Arkib Negara , Kuala Lumpur.

Jadual 1. 2: Bilangan Orang Cina Di Negeri Sembilan Mengikut Daerah

Kawasan			
Daerah	Mukim	1901	1911
Seremban	Seremban	2,379	5,414
	Mantin	934	745
	Ampangan	24	-
	Gedong Lalang	290	159
	Rasah	460	136
Pantai	Port Dickson	765	697
	Kempas	126	83
Jelebu	Kuala Kiawang	339	271
	Titi	883	1,038
Kuala Pilah	Kuala Pilah	570	817
	Johol	86	62
Tampin	Tampin	62	349
Broga			645
Pajam			457
Pasir Panjang			75
Setul			190
Jumlah		6,924	11,348

Sumber : Banci Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1901, Laporan Banci Negeri Sembilan 1901, Statistik Negeri Sembilan 1904 dan Banci Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1911 , Arkib Negara , Kuala Lumpur.

## **Kemunculan dan Perkembangan Kongsi Gelap**

Menurut Needham, tarikh terawal kemunculan kongsi gelap<sup>42</sup> adalah pada tahun 1600 sebelum masihi (S.M.) atau mungkin lebih awal, malah dikatakan lebih awal dari zaman pra-Kristian. Pada zaman pertengahan Zhou (春秋時代)(Chun Qiu), masih tiada tanda-tanda kemunculan pertubuhan rahsia ini. Penubuhan kongsi gelap adalah kerana tekanan hidup yang dialami oleh petani pada abad ke-3M. Keadaan ini mencetuskan pemberontakan dan ia menjadi asas kepada penubuhan Dinasti Han pada 202 S.M. Penubuhan Dinasti Han berkaitan dengan kongsi gelap kerana pemberontak membentuk organisasi politik berdasarkan corak kongsi gelap.<sup>43</sup>

Amalan penubuhan kongsi gelap dibawa masuk oleh masyarakat Cina apabila mereka datang ke Tanah Melayu. Pendatang Cina juga menyertai kongsi gelap yang sudah wujud di Tanah Melayu ketika mereka tiba di pelabuhan Negeri-negeri Selat.<sup>44</sup> Namun begitu tarikh sebenar penubuhan kongsi gelap Cina di Tanah Melayu tidak diketahui. Ini kerana sebelum tahun 1870, Inggeris tidak mempunyai sebarang pengetahuan mengenainya. Di samping itu kongsi gelap mengamalkan tradisi merahsiakan segala maklumat kongsi mereka. Pada tahun 1890, apabila kerajaan menggubal undang-undang untuk mengharamkan kongsi gelap, pemimpin kongsi gelap telah memusnahkan kebanyakkan dokumen yang mencatatkan hal-hal kongsi gelap mereka.<sup>45</sup>

Di China sudah diketahui bahawa kongsi gelap telah wujud beberapa abad dahulu sebelum ia berkembang ke Tanah Melayu. Kesinambungan ini telah membentuk ciri-ciri persamaan antara kongsi gelap di China dan Tanah Melayu. Yang paling jelas ialah pada mulanya mereka hanya sebagai persatuan sukarela yang berobjektif agama dan kebajikan tetapi identiti ini telah berubah berikutan dari perkembangan politik di China dan di Tanah Melayu.

Selain itu, keunikan kongsi gelap di Tanah Melayu selalu berkaitan dengan upacara penerimaan ahli yang luar biasa, tanda rahsia, diplomas, bahasa dan ‘passwords’ yang hanya difahami oleh ahli-ahlinya sahaja. Kesemua ini berasal dari adat tradisional yang telahpun diamalkan di Tanah Besar China.<sup>46</sup>

Pada hakikatnya setelah Thian Ti Hui berpindah ke rantau masyarakat asing, ia telah berubah dari sebuah pertubuhan berunsur politik kepada pertubuhan lebih berunsur jenayah. Ini kerana Thian Ti Hui tidak dapat melaksanakan motif utama iaitu menggulingkan Dinasti Qing apabila mereka terlalu jauh dari China. Keadaan ini menyebabkan apabila amalan penubuhan kongsi gelap dibawa masuk ke Tanah Melayu, pertubuhan ini telah kehilangan identiti asalnya yang bersifat politik. Fenomena ini juga berpunca daripada ahli kongsi gelap itu sendiri yang bukan terdiri daripada golongan intelektual. Pengetahuan cetek kumpulan ini mengakibatkan mereka tidak benar-benar memahami idea menggulingkan Dinasti Qing yang diihamkan oleh pengasas Thian Ti Hui yang juga menjadi teras atau asas penubuhan kongsi gelap ini. Kongsi gelap juga tidak dapat menyebarkan propaganda politik yang mencintai negara dalam sistem pentadbiran liberal yang dilaksanakan oleh kerajaan kolonial British.<sup>47</sup>

Di Tanah Melayu, kongsi gelap Cina beroperasi di bawah undang-undang serta upacara kongsi-kongsi tertentu. Sesiapa yang ingin menyertai kongsi gelap dikehendaki mengangkat sumpah mematuhi 36 peraturan kongsi dan 21 perundangan kongsi. Bentuk sumpah ini termasuk memberikan ketataan sepenuh hati kepada ketua-ketua kongsi gelap. Mereka juga dikehendaki membantu ahli-ahli kongsi gelap lain yang melarikan diri atau dihadapkan ke mahkamah kerana melanggar undang-undang kerajaan.<sup>48</sup>

Sebelum tahun 1874, kerajaan China tidak melantik seorang konsul Cina untuk menjaga kepentingan rakyatnya yang bekerja di Tanah Melayu. Oleh itu masyarakat Cina perlu

mendapatkan perlindungan daripada kongsi gelap untuk tujuan itu.<sup>49</sup> Dengan itu kongsi gelap ditubuhkan untuk menjaga keselamatan diri. Motif Inggeris di bawah pengaruh Syarikat Hindia Timur adalah untuk memperkembangkan perdagangan, maka orang Cina dibiarkan begitu sahaja. Keadaan ini berterusan sehingga berlaku pertempuran dan rusuhan antara kongsi gelap yang telah membahayakan nyawa dan harta benda serta menjadikan perkembangan perdagangan. Hanya selepas tahun 1874, pihak pentadbir British sedar akan keperluan mengawal aktiviti orang Cina.

Pada abad 19, British tidak mengamalkan polisi yang memberi perlindungan nyawa dan harta benda kepada pendatang Cina kerana mereka tidak dianggap sebagai rakyat Tanah Melayu, jadi orang Cina lebih rela atau dipaksa menyertai kongsi gelap Cina yang sudah menguasai hal ehwal masyarakat Cina di Tanah Melayu. Penghijrah baru Cina sering menghadapi masalah mencari tempat penginapan dan pekerjaan semasa mereka baru tiba di rantau baru. Mereka terpaksa meminta bantuan dari saudara mara atau kawan yang sudah lama menetap di Tanah Melayu dan telah menjadi ahli kongsi gelap Cina. Ini menyebabkan pendatang baru juga menyertai kongsi yang telah memberi bantuan kepada mereka.

Kuasa kongsi gelap Cina semakin bertambah sehingga mengambil alih tugas pentadbiran kerajaan untuk mengawal masyarakat Cina. Perkembangan sedemikian telah menyebabkan kongsi gelap membentuk suatu ‘kerajaan kecil dalam kerajaan’.<sup>50</sup> Kongsi gelap berperanan memupuk sifat perpaduan, saling membantu dan semangat menentang kekerasan. Keadaan ini juga didorong oleh kebanyakan penghijrah Cina yang terdiri daripada golongan lelaki kelas bawahan yang miskin papa. Mereka terpaksa menyertai ‘kongsi’ dengan harapan ciri persaudaraan ini memberi perlindungan dan peluang pekerjaan.<sup>51</sup>

Selain daripada melaksanakan sifat bantu-membantu, kongsi gelap memainkan peranan dalam menentang penjajahan kerajaan kolonial. Seringkali kongsi gelap menjadi orang tengah dalam menyelesaikan persengketan masyarakat Cina, mencari pekerjaan, memberi bantuan dan menjaga penghijrah Cina yang sakit dan miskin. Corak hidup yang berbeza telah menyebabkan penghijrah Cina menganggap kongsi gelap hanya sebagai adat kemasukan ahli dan tidak membawa sebarang makna yang spesifik.

Di Tanah Melayu, pada abad ke-19, kuasa pemerintahan kongsi gelap terletak di tangan peniaga dan towkay yang kaya. Biasanya towkay ini ialah pemajak candu, pemajak perjudian dan pengusaha tanaman gambir.<sup>52</sup> Golongan ini telah menggunakan kongsi gelap sebagai alat untuk memperluaskan keuntungan ekonomi dan meningkatkan taraf sosial mereka. Ada di antara ketua kongsi gelap yang memajak bahan-bahan komoditi yang menguntungkan dan menculik atau memeras tenaga kuli untuk mendapat gelaran Kapitan atau memperolehi kuasa pemerintahan pertubuhan sedarah, sedaerah atau sepekerjaan. Victor Purcell pernah mencatatkan bahawa seseorang pemimpin orang Cina mestilah juga ketua kongsi gelap.

Pendatang Cina telah membahagikan diri mengikut puak dialek yang berbeza antara enam puak utama ialah Fujian (福建), Kuangfu (廣府), Zhou Zhoau (朝州), Ke Jia (客家), Hai Nan (海南) dan San Jiang. Pembahagian ini juga mempengaruhi penubuhan kongsi gelap yang terbahagi mengikut puak dialek yang berbeza. Keadaan ini menyebabkan perselisihan dan pertempuran mudah berlaku antara puak-puak Cina yang berbeza.<sup>53</sup>

Di Tanah Melayu, terdapat dua kongsi gelap yang besar iaitu kongsi ‘Daerah Empat’ (See Kwan) yang terdiri daripada Sin Neng, Sin Whee, Seow Keng dan Whee Chew. Kongsi ini lebih dikenali sebagai Ghee Hin yang membawa maksud kemakmuran yang berkebajikan. Kumpulan

yang lain pula dikenali sebagai kongsi ‘Daerah Lima’ (Go Kwan) yang terdiri daripada Cheng Sia, Poon Say Soon Tek, Lam Hye dan Tong Quan. Kongsi ini terkenal sebagai Hai San yang membawa maksud laut dan darat.<sup>54</sup>

### **Kongsi Gelap di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu**

Kongsi gelap Sungai Ujong berasal daripada Negeri-negeri Selat. Melaka merupakan tapak kongsi gelap yang awal. Orang Cina mula membanjiri Melaka di bawah pemerintahan British yang liberal dan longgar. Kedatangan orang Cina ini turut sama membawa budaya menukuhkan kongsi atau persatuan yang bersifat persaudaraan.<sup>55</sup> Di Melaka, kongsi gelap yang wujud pada tahun 1818 digelar sebagai Sam Hop Hui dan tidak menggunakan nama lain. Newbold juga mencatatkan bahawa ahli kongsi gelap di Melaka telah mencapai angka 4,000 pada tahun 1835.<sup>56</sup>

Di Tanah Melayu, Pulau Pinang merupakan negeri yang paling awal menukuhkan kongsi gelap. Ini kerana Pulau Pinang merupakan pusat pertapakan orang Cina yang paling awal dan kongsi gelap wujud selepas tiga belas tahun pembukaannya oleh Francis Light. Terdapat tujuh kelab Cina yang aktif di Pulau Pinang pada tahun 1825. Di antaranya ialah Nghee Hung (Ghee Hin), Woh Sung (Wah Sang), Hoy San (Hai San), Choong Chang, Wey Chow (Wai Chow), Yan Woh, dan Yeng San.<sup>57</sup> Sungguhpun ketiga-tiga kongsi gelap ini meneruskan semangat persaudaraan dan perpaduan Triad Society di China, namun, ikatan persaudaraan itu selalu digunakan untuk melakukan jenayah atau memberi perlindungan kepada penjenayah.<sup>58</sup>

Di Singapura, kegiatan kongsi gelap agak lewat berbanding dengan Pulau Pinang dan Melaka kerana Singapura dibuka 33 tahun selepas Pulau Pinang dan 24 tahun selepas Melaka. Kedatangan orang Cina secara beramai-ramai ke Singapura menyebabkan dua budaya utama

orang Cina iaitu perjudian dan kongsi gelap turut membanjiri pulau baru ini. Ramai di antara ahli-ahli kongsi gelap yang bekerja sebagai petani, tetapi majoriti hidup sebagai lanun atau perompak. Terdapat tiga hui di Singapura pada tahun 1830, iaitu Thean-Ti Hoey, Quan Ti Hoey dan Shoo So-Kong Hoey. Thian Ti Hui adalah kongsi yang paling kuat dan berbahaya, ia mempunyai ahli antara 2,500 hingga 3,000 orang.<sup>59</sup>

Kongsi gelap di Negeri-negeri Selat berasal dari satu ibu sumber yang sama, iaitu dari Sam Hup Hui atau Thian Ti Hui di China. Persamaan ini memudahkan kongsi gelap ini mencapai persefahaman antara satu sama lain hingga membolehkan pembentukan satu gabungan tenaga yang kuat di negeri-negeri Melayu yang lain. Di Tanah Melayu, campur tangan Inggeris di Negeri-negeri Selat telah merapatkan hubungan di antara orang Cina yang bertaburan di negeri-negeri Melayu yang lain. Hubungan dan interaksi antara mereka telah membawa kepada pembentukan cawangan kongsi gelap. Ada di antara yang menggunakan nama yang sama seperti Ghee Hin dan Hai San.<sup>60</sup> Ini bermaksud penubuhan kongsi gelap di Negeri-negeri Melayu adalah cawangan daripada kongsi gelap di Negeri-negeri Selat. Malah ibu pejabat kongsi gelap di Negeri-negeri Melayu juga terletak di Negeri-negeri Selat.<sup>61</sup>

Di Perak, terdapat dua kongsi gelap, iaitu kongsi Hai San dan Ghi Hin. Kongsi Gelap ini merupakan cawangan kongsi gelap di Pulau Pinang dan diketuai oleh seorang ketua yang dilantik oleh ibu pejabat di Pulau Pinang. Kongsi gelap Hai San mula-mula bertapak di Larut, Perak dan kemudian diikuti oleh kongsi Ghi Hin. Di Larut, bilangan kongsi agak banyak tetapi mereka masih tidak membina rumah kongsi. Mesyuarat kongsi biasanya dijalankan di tempat persendirian. Ketua kongsi gelap di Larut ialah Chan A Yam ( Kapten Macao), Lo Phang (Kheh) dan Lok Yau (Macao). Ketua kongsi gelap Hai San ialah Cheng Kin Sai dan Fong Mun Po. Ketua Hai San di Gopeng ( hulu Perak ) ialah Chin Thong ( kheh ). Chu Hg ( kheh ) pula

ialah ketua kongsi gelap Ghee Hin di Papan ( hilir Perak ). Kongsi Hai San tidak mendirikan rumah kongsi.<sup>62</sup> Pelindung Orang Cina di Perak telah mengarahkan W. Young yang merupakan pegawai kerajaan kolonial untuk menjalankan penyiasatan terhadap kongsi gelap Cina di Lembah Kinta pada tahun 1887. Menurut beliau, terdapat ramai penyokong kongsi gelap di kawasan tersebut. Beliau telah melawat sebanyak 246 buah kongsi gelap dan majoritinya adalah kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San. Ramai ahli kongsi gelap di Lembah Kinta bekerja sebagai pelombong timah di kawasan perlombongan yang kaya dengan timah.<sup>63</sup>

Kongsi gelap Cina juga aktif di Selangor. Menurut F.Powell (Pelindung Orang Cina di Negeri-negeri Selat), terdapat pelbagai kongsi gelap di negeri-negeri ini dan kebanyakan organisasi ini adalah sama seperti di Pulau Pinang. Di antaranya ialah Ghee Hin, Hai San dan Song Kun (cawangan Ghee Hin). Ghee Hin dan Hai San merupakan kongsi di Melaka dan Song Pak Kun pula dari Singapura. Hok Beng, kongsi di Melaka muncul untuk memperluaskan kuasa ke Selangor. Walaupun kongsi ini berasal dari Negeri-negeri Selat tetapi penubuhannya tidak bergantung pada mana-mana pertubuhan. Malah masing-masing mempunyai rumah kongsi untuk ahlinya.<sup>64</sup> Pemimpin di Larut dan Selangor dilantik oleh pemimpin kongsi gelap di Negeri-negeri Selat. Namun begitu, mereka diberi kuasa besar dalam aspek pengutipan yuran kemasukan dan yuran keahlian. Yuran ini dibahagi-bahagikan untuk pengutip, perbelanjaan kongsi serta kegunaan pejabat.<sup>65</sup>

Di Pahang, kegiatan kongsi gelap agak lembap antara tahun 1874 hingga 1900 tetapi ia juga membahayakan keselamatan negeri seperti di Negeri-negeri Melayu yang lain. Pada 1888, J.P.Rodger yang merupakan Residen British di Pahang juga menghadapi masalah kongsi gelap seperti yang dihadapi oleh J.W.W.Birch<sup>66</sup> di Perak pada tahun 1875. Menurut Frank Swettenham,<sup>67</sup> terdapat seramai 50,000 orang Melayu dan hanya ratusan orang Cina di Pahang

pada tempoh berkenaan. Majoriti penduduk Cina bekerja di kawasan perlombongan Bentong dan memainkan peranan dalam membangunkan kawasan tersebut. Pada masa yang sama, kongsi gelap mula ditubuhkan oleh pelombong-pelombong Cina.<sup>68</sup> Penduduk Cina di Bentong mula bertambah setelah Loke Yew<sup>69</sup> mendapat hak pajakan tanah pada tahun 1897. Loke Yew merupakan ketua kongsi gelap Ghee Hin di Larut pada tahun 1884. Dengan ini, ramai pekerja yang berasal dari kongsi Ghee Hin telah diambil untuk bekerja di Bentong. Perkembangan demikian telah menyebabkan pengaruh kongsi gelap Cina semakin luas. Bagi mengatasi masalah ini, Majlis Mesyuarat Pahang meluluskan enakmen mengawal kongsi gelap Cina pada Januari 1890. Dalam masa yang singkat, terdapat tiga orang lelaki Cina yang ditahan di Kuantan di bawah enakmen ini.<sup>70</sup>

Kongsi gelap yang terkenal di Perak, Selangor dan Pahang mengatur peraturan dan kadang-kala menjadi ‘kerajaan’ di kalangan pelombong-pelambong Cina. Ketua kongsi gelap memainkan peranan dalam menegakkan undang-undang dan melindungi orang Cina daripada ancaman orang-orang tempatan. Oleh kerana tiada pihak pemerintah yang boleh mengawal komuniti Cina, maka tiada penentangan terhadap kewujudan kongsi gelap.<sup>71</sup>

Budaya kongsi gelap Cina di Negeri Sembilan dibawa masuk oleh pedagang-pedagang Cina Negeri-negeri Selat apabila mereka menjalankan perniagaan dengan orang Cina di Negeri Sembilan. Pengaruh kongsi gelap di Sungai Ujong telah meliputi banyak kawasan penempatan orang Cina di sekelilingnya, seperti Lukut, Rembau dan Jelebu. Di sini, kumpulan Ghee Hin dan Hai San adalah kongsi gelap Cina yang paling berpengaruh. Ibu pejabat kongsi-kongsi ini juga di Pulau Pinang. Ramai pelombong Cina telah menjadi ahli kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San. Menurut Newbold, terdapat seramai 1,000 orang pelombong Cina di Sungai Ujong yang

dibahagikan kepada sembilan kongsi pada tahun 1828. Di antara sembilan kongsi ini, kongsi yang paling utama ialah Thian Ti Hui dan setiap kongsi ini diketuai oleh seorang towkay.<sup>72</sup>

Pergaduhan yang serius antara orang Cina dengan orang Melayu pada tahun 1834 merupakan bukti kewujudan kongsi gelap Cina di Sungai Ujong.<sup>73</sup> Menurut Powell, kongsi gelap Chee Hin di Sungai Ujong telah wujud sejak tahun 1876. Terdapat rumah kongsi yang digunakan untuk menjalankan aktiviti dan pusat kepada kongsi gelap tersebut. Rumah kongsinya terletak di Tanjung dan mempunyai papan tanda kongsi gelap di atas pintu. Kongsi Hai San masih tiada rumah kongsi pada tahun 1878. Ini menyebabkan ahli-ahlinya tidak puas hati dan ke rumah kongsi Ghee Hin lalu merosakkan papan tanda tersebut. Kongsi Ghee Hin tidak membaiki papan tanda sejak tahun itu. Mereka meletakkan sehelai kertas warna merah dengan tulisan ‘Inilah Kongsi Gelap Ghee Hin’ pada pintu masuk rumah kongsi mereka.

Pemimpin kongsi Ghee Hin ialah Chiong Hg-Chai (Kheh), Chiong Fong Chiong (Kheh), Ng Chhiun-Lip (Hokkian) dan Liu Lam Ko (Kheh). Kongsi gelap Hai San telah wujud di Sungai Ujong sejak tahun 1860 tetapi tidak membina rumah kongsi. Pemimpin kongsi Hai San di Sungai Ujong ialah Wong Ying (Kapten Macao), Hiu Sam (Kapten Kheh), Lam Sam (Kheh) dan Lim Be (Hai Lok Hong). Selain daripada kongsi Hai San dan Ghee Hin, terdapat juga beberapa kongsi gelap Cina di Sungai Ujong.<sup>74</sup> Pada tahun 1884, Wynne dan Powell telah memberi satu memorandum mengenai kongsi gelap di Negeri-negeri Melayu Bersekutu kepada Setiausaha Kolonial. Memorandum berkenaan membuktikan bahawa ketua kongsi gelap Hai San Sungai Ujong adalah Kapitan dan towkay yang kaya.<sup>75</sup>

Maka, boleh dikatakan, kongsi gelap telah mendominasi kehidupan komuniti Cina di Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Negeri-negeri Melayu terpaksa bergantung kepada kongsi

gelap untuk mengawal kegiatan masyarakat Cina. Akibatnya, kepimpinan dalam komuniti Cina yang sebenar adalah kepimpinan kongsi gelap.

Kesimpulannya , kongsi gelap di Sungai Ujong adalah satu fenomena yang wujud berikutan daripada perkembangan perdagangan di antara Sungai Ujong dengan Negeri Sembilan. Perkembangan kongsi gelap Cina juga disebabkan oleh jemputan daripada pembesar-pembesar Melayu ke atas orang Cina dari Negeri-negeri Selat untuk menjalankan kegiatan perlombongan timah. Kongsi gelap tidak beroperasi sebagai satu persatuan tetapi sebagai *sub-culture* untuk melindungi orang Cina yang bermiaga di Sungai Ujong.

## Nota Hujung

<sup>1</sup> Tarikh sebenar penggunaan nama Negeri Sembilan tidak diketahui. Menurut R.O.Winstedt, nama Negeri Sembilan mula digunakan pada tahun 1773 iaitu setelah Raja Melewar dari Pagar Ruyung dirajakan di Negeri Sembilan. R.O.Winstedt, "History of Negeri Sembilan," *Journal of the Malayan of the Royal Asiatic Society* ( JMBRAS selepas ini ), Bilangan (Bil. selepas ini) 12 ( 3 ), 1934 , hlm. 41. Negeri ini terdiri daripada Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Jelai, Kelang, Naning, Segamat dan Ulu Pahang . Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Penerbitan Utusan Melayu Bhd., Kuala Lumpur, 1968, hlm. 17 . Berdasarkan *Government Papers Relating to the Malay Peninsula , 1870-1882*, sembilan daerah ialah Rembau, Sungai Ujong, Johole, Ulu Calang, Jempol dan Jelly. "Second Constitution of Report on the Proceeding of Government Relating to the Native State," dalam *Government Papers Relating to the Malay Peninsula, 1870-1882*, hlm. 1 . Pada tahun 1895, sembilan buah kawasan ini bergabung menjadi Negeri Sembilan melalui Undang-undang Dasar Negeri. Berdasarkan undang-undang ini, Negeri Sembilan terdiri daripada Sungai Ujong, Rembau, Jelebu, Johol, Inas, Tampin, Ulu Muar, Jempol, Terachi dan Gunung Pasir . Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, hlm. 17 . Senarai ini memberikan negeri-negeri secara teratur, namun ia bukan senarai 'Persekutuan Negeri Sembilan. Semua kawasan ini mempunyai puak Minangkabau tetapi Naning selalu dianggap sebagai tanah Melaka ; Kelang pula dimiliki oleh Kesultanan Melayu Melaka, Johor dan Bugis. Segamat adalah kawasan yang ditakluki oleh Sultan Melayu ; Ulu Pahang dan Jelai pula dimiliki oleh Pahang.

<sup>2</sup> R.O.Winstedt, "History of Negeri Sembilan," *JMBRAS*, Bil.12 ( 3 ), 1934 , hlm. 41.

<sup>3</sup> Tempat asal yang dinamakan Sungai Ujong berpunca dari beberapa batang sungai berkait rapat dengan cerita sejarah Sungai Ujong, seperti Sungai Beranang, Sungai Pajam, Sungai Batang Penar dan Sungai Linggi . R.O.Winstedt "History of Negeri Sembilan," hlm. 52. Sungai Ujong sepatutnya dikenali dengan nama sebatang sungai tetapi 'Sungai Ujong' di sini mungkin diterjemahkan dari bahasa lain oleh orang Melayu setelah menduduki kawasan berkenaan. Oleh itu, nama sebenar dan makna tempat berkenaan tidak jelas. Walaupun nama Sungai Ujong adaptasi moden, namun ia adalah dikenali sebagai 'Sungei Ujong' dalam peta D'Eredia's . J.M.Gullick, " Sungai Ujong," *JMBRAS*, Bil. 22 (2), 1949, hlm. 1.

<sup>4</sup> T.J.Newbold, *Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits Settlement in the Straits of Malacca*, Bil. 1, Oxford University Press , Kuala Lumpur, 1971, hlm. 93 ; "Second Constitution of Report on the Proceeding of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula- Rumbowe and Sungai Ujong," dalam *Government Papers Relating to The Malay Peninsula 1870-1882*, hlm. 1.

<sup>5</sup> Abdul Samad Idris, **Negeri Sembilan dan Sejarahnya**, hlm. 50.

<sup>6</sup> Zulkaini Abdul Rahman, "Ekonomi Sungai Ujong," Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1996, hlm. 112 ; Abdul Samad Idris, **Negeri Sembilan dan Sejarahnya**, hlm. 60 dan P.J.Begbie, **The Malayan Peninsula**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 50.

<sup>7</sup> Terdapat dua cerita berkenaan dengan penggunaan nama Seremban. Namun kejituannya masih tidak boleh dipastikan. Cerita pertama berkait dengan orang Cina yang mengambil orang Melayu sebagai pekerja membuat empangan air dan membaiki beremban empangan yang selalu roboh kerana bah. Lamakelamaan 'beremban' bertukar nama menjadi Seremban. Cerita kedua pula mencatatkan apabila orang Cina semakin membanjiri Sungai Ujong, mereka telah mendirikan sebuah pasar untuk tujuan aktiviti perniagaan dan sebagai tempat bersuka ria dengan mengadakan permainan perjudian yang dinamakan 'Sarimban'. Abdul Samad Idris, **Negeri Sembilan dan Sejarahnya**, hlm. 54-55 .

<sup>8</sup> Gullick, "Sungai Ujong," hlm. 4.

<sup>9</sup> Durrishah Bt. Idrus, " Tanah dan Pertanian Orang Melayu di Negeri Sembilan 1900-1940," Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1993, hlm. 3 dan "Second Constitution of Report on the Proceeding of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula-Rumbowe and Sungai Ujong," dalam **Government Papers Relating to the Malay Peninsula 1870-1882**, hlm. 1.

<sup>10</sup> Adat Perpatih yang wujud di Negri Sembilan sebenarnya tidak membayangkan Adat Perpatih yang wujud di negeri asalnya, Minangkabau kerana struktur pentadbiran yang berbeza antara dua kawasan ini. Adat Perpatih tidak bertulis, segala hukum yang terdapat di dalam sistem ini diperturunkan dari satu keturunan ke keturunan lain dengan menggunakan daya ingatan semata-mata. Ia adalah dalam bentuk kata-kata, adat, pepatah dan petiuh, sajak-sajak tradisi dan perbilangan adat. Durrishah Bt. Idrus, "Adat Perpatih dan Islam," dalam Norazit Selat ( ed.) , **Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang**, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 43 .

<sup>11</sup> Zulkaini Abdul Rahman, "Ekonomi Sungai Ujong," hlm. 38.

<sup>12</sup> Kuasa undang adalah lebih penting di Sungai Ujong tetapi kekuasaan Yam Tuan tidak begitu dirasai oleh rakyat tempatan. Di Negeri-negeri Melayu yang lain, kekuasaan Sultan atau Raja lebih dirasai oleh rakyat tempatan . J.M.Gullick, **Indigenous Political System of Western Malaya**, University of London Athlone Press, London, 1958, hlm. 74 .

<sup>13</sup> C.D. Cowan, **Tanah Melayu Kurun ke-19- Asal-Usul Penguasaan Politik British**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 264 ; Zulkaini Abdul Rahman, "Ekonomi Sungai Ujong," hlm. 12.

<sup>14</sup> Khoo Kay Kim, **The Western Malay States (1850-1895)** , Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 74.

<sup>15</sup> "Second Constitution of Report on the Proceeding of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula-Rumbowe and Sungai Ujong," dalam **Government Papers Relating to the Malay Peninsula 1870-1882**, hlm. 7.

<sup>16</sup> Nama sebenar Dato Kelana ialah Syed Ahmad. Beliau berketurunan Arab dan dilahirkan di Aceh. Beliau adalah saudara kepada Syed Shaaban dan anak kepada Syed Ahmad Al-Kadrie. Sebelum itu, beliau memegang jawatan sebagai Tengku Laksamana dan pernah memangku jawatan Dato Kelana apabila Dato Kelana Sending telah tua sejak akhir tahun 1860-an. Beliau memegang jawatan sebagai Dato Kelana Sungai Ujong pada 3hb Disember 1872. Faridah Abu Bakar, "Perang Sungai Ujong 1872-1874 : Peranan Inggeris dalam Sejarah Negeri Sembilan," Tesis Sarjana Muda, Universiti Hasanuddin, Ujung Pandang, 1994, hlm. 42 .

<sup>17</sup> Nama sebenar nya ialah Abdullah bin Ahmad, putera kedua daripada sembilan orang adik-beradik yang berketurunan Datuk Permas. Beliau menggantikan Datuk Syahbandar Lebai pada tahun 1845 dan dikenali juga dengan panggilan Datuk Syahbandar Tunggal Kepayang . Abdullah Zakaria Ghazali, " Konflik Kelana-Bandar," dalam **Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang**, hlm. 21 .

- <sup>18</sup> Ling Sui Hao ( 林水壕 ), **Sejarah Orang Cina di Malaysia** ( 馬來西亞華人史 ), The Federation Of Alumni Associations of Taiwan University ( 馬來西亞留台友聯和總會出版 ), Petaling Jaya, 1984, hlm. 13.
- <sup>19</sup> Heng Pek Koon, **Chinese Politics in Malaysia : A History of the Malaysia Chinese Association**, Oxford University Press, Singapura, 1988, hlm. 9.
- <sup>20</sup> Ibid., hlm. 14 dan 19; Victor Purcell, **The Chinese in Malaya**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 6.
- <sup>21</sup> Yen Ching Huang ( 顏慶煌 ), **Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura** ( 新馬華人社會史 ), Zhong Guo Hua Qiao Chu Ban She ( 中國華僑出版 ), Peking, 1991, hlm. 1.
- <sup>22</sup> Pada zaman pemerintahan Manchu, bilangan penduduk telah meningkat hingga ke 1.24 billion ( Victor Purcell, **The Chinese in Malaya**, hlm.2 ).
- <sup>23</sup> Yen Ching Huang, **Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura**, hlm. 1.
- <sup>24</sup> Pemberontakan Tai Peng dipimpin oleh Hung Xiu Juan yang berasal dari keluarga petani yang miskin di provinsi Kuang Dong. Setelah berjaya melancarkan pemberontakan, beliau telah menubuhkan Tai Peng Dian Guo ( Dai An Gang 豪安團 ) dan Wu Li Zhong ( 吳禮忠 ) **Sejarah Dinasti Qing Akhir** ( 后清史 ), Zhong Hua Shu Ju ( 中華書局 ) Hong Kong, 1998, hlm. 104 dan 110).
- <sup>25</sup> Yen Ching Huang, **Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura**, hlm. 2 ; Chong Lee Ngoh, "The History of Kongsis In Penang," **Malaysia in History**, Bil. 16 ( 1 ), Kuala Lumpur, 1973, hlm. 165; Victor Purcell, **The Chinese in Malaya**, hlm. 6.
- <sup>26</sup> Victor Purcell, **The Chinese in Malaya**, hlm. 1, 4 dan 9.
- <sup>27</sup> Yen Ching Huang, **Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura**, hlm. 3.
- <sup>28</sup> R.N. Jackson, "Grasping the Nettle : First Successes in the Struggle to Govern the Chinese in Malaya," **JMBRAS**, Bil. 40, 1967, hlm. 130; Emily Sadka, **The Protected Malaya States 1874-1895**, University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 300.
- <sup>29</sup> Orang Cina telah menggunakan pelbagai dialek dalam kehidupan harian. Dialek merupakan bahasa yang ditutur oleh orang Cina yang berasal dari pelbagai provinsi. Dialek major atau bahasa prinsipal di China adalah Mandarin, Kantonis dan Hokkian . Banci Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1911, Arkib Negara , Kuala Lumpur, hlm. 42 .
- <sup>30</sup> R.N. Jackson, "Grasping the Nettle," hlm. 130.
- <sup>31</sup> Emily Sadka, **Protected Malay States 1874-1895**, University Malaya , Kuala Lumpur, 1968, hlm. 300.
- <sup>32</sup> Irene Lim, **Secret Societies in Singapore**, National Heritage Board, Singapore History Museum, 1999, hlm.13.
- <sup>33</sup> Pada abad ke-17M, sudah terdapat seramai 300 hingga 400 orang Cina yang menetap di Melaka. Pada tahun 1786, terdapat seramai 7,291 orang Cina di Pulau Pinang. Pada tahun 1819, terdapat seramai 1,159 orang Cina yang menetap di Singapura manakala pada tahun 1830 terdapat seramai 40,000 orang Cina yang menetap di Negeri-negeri Melayu Bersekutu . Victor Purcell, **The Chinese in Malaya**, hlm. X – XI .
- <sup>34</sup> Shun Gen- Bibit-babit Orang Cina di Negeri Sembilan ( 尋根 - 森美蘭華族先民的足跡 ), Zhong Hua Da Hui Dang Negeri Sembilan dan Sin Chiew Jit Bao, Seremban ( 森美蘭中華大會堂與星洲日報聯合出版 ), 1992, hlm. 1.
- <sup>35</sup> J.H. Moor, "Notices of the Indian Archipelago and the Adjacent Countries : Account of Sungai Ujong, one of the States in the Interior of Malacca," Cass , London , 1968 , hlm. 10 ; Sidek Fadzil, **Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu**, Penerbitan PAP, Kelantan, 1970, hlm. 20.
- <sup>36</sup> Pemberian orang Hakka telah menyebabkan penggunaan satu pepatah Cina yang menyatakan bahawa 'buaya tidak makan orang Hakka'. Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan pertapakan orang Cina yang paling awal di Negeri Sembilan adalah Hakka dan tiada binatang garang yang cuba mencederakan mereka ( Shun Gen, hlm. 3).
- <sup>37</sup> Kekacauan yang berlaku di Sungai Ujong pada tahun 1833 akan dibincangkan secara mendalam dalam bab 2. T.J. Newbold, **Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca**, Oxford University Press , Kuala Lumpur , 1971 , hlm. 93.
- <sup>38</sup> Faridah Abu Bakar, "Perang Sungai Ujong 1872-1874 : Peranan Inggeris Dalam Sejarah Negeri Sembilan," Tesis Sarjana Muda, Universiti Hasanuddin, Ujung Pandang, 1994, hlm. 28.
- <sup>39</sup> Wan Ming Sing, "History of The Organisation of The Chinese Community In Selangor with Particular Reference to Problems of Leadership 1857-1962," Tesis Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 43.
- <sup>40</sup> Faridah Abu Bakar, "Perang Sungai Ujong," hlm.28.
- <sup>41</sup> Wilfred Blythe, **The Impact of Chinese Secret Societies**, Oxford University Press , London , 1969, hlm. 189.
- <sup>42</sup> Kongsi gelap adalah cawangan bagi The Great Chinese Secret Society 'Thien Ti Hui' atau 'Triad Society' yang ditubuhkan di China pada abad ke-17M.Hong Kong Ordinance pula mencatatkan bahawa persatuan

- 
- ini adalah, "...association having objects in view which are incompatible with the maintenance of good order and constituted authority and with the security of life and property, and afford by means of a secret agency increased facilities for the commission of crime and for the escape off offenders." Menurut Francis Light, kongsi gelap merupakan sekumpulan orang yang boleh bertutur dalam bahasa yang tidak boleh difahami oleh orang lain. Mereka juga berupaya membentuk 'parti' atau 'pergabungan' dalam keadaan yang paling rahsia dengan tujuan menentang kerajaan. Pertubuhan Cina sering dikaitkan dengan Triad society di China yang juga dikenali sebagai Hoeys yang telah lama wujud di Tanah Melayu. "The Secret Societies Ordinance," Colonial Office (*C.O. selepas ini*) 273, 153/14607. Menurut Wilfred Blythe, *secret society* adalah satu pertubuhan yang terbuka dari kewujudannya tetapi orang ramai jarang mengetahui aktiviti, identiti pemimpin dan ahlinya. *Secret society* orang Cina merupakan pertubuhan yang ditubuhkan dan dikawal oleh orang Cina yang mempunyai 'well define norms', upacara rahsia dan sumpah. Dengan kata lain *secret society* adalah pertubuhan yang diorganisasi oleh ahli-ahli yang memegang prinsip untuk melindungi kerahsiaan kongsi mereka . Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies*, hlm. 3 . Mak Lau Fong berpendapat bahawa *secret society* Cina di Tanah Melayu dan Singapura ada pertubuhan yang ditubuhkan dan dikawal oleh kongsi gelap . Mak Lau Fong, *The Sociology of Secret Societies*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1981 , hlm. 12 .
- <sup>43</sup> Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies*, hlm. 16.
- <sup>44</sup> Xu Yuen Jiao (許雲樵) , "Hubungan Tian Ti Hui dengan Kongsi Gelap dan Singapura (新馬私會黨與洪門天地會的關係) JSAR, Bil. 7, hlm. 29-30.
- <sup>45</sup> Sidek Fadzil, *Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 39.
- <sup>46</sup> L. F. Comber, *Chinese Secret Societies in Malaya*, J.J.Augustin In Orporated Publisher , Singapore , 1959 , hlm. 8.
- <sup>47</sup> Zhong Xi Qing (鍾錫金), *Pengajian Kesedaran Kebangsaan Orang Cina di Malaysia dan Singapura* (新馬華人民族意識探討) , Pustaka Tanah Merah, Kedah,, 1984, hlm.46.
- <sup>48</sup> C.O. 273, 154/17 569.
- <sup>49</sup> Xu Yuen Jiao, "Hubungan Tian Ti Hui dengan Kongsi Gelap dan Singapura," hlm. 29-30.
- <sup>50</sup> Li Yi Zhi, "Kongsi Gelap di Singapura," JSAR , Bil. 6, 1970, hlm. 90.
- <sup>51</sup> Irene Lim, *Secret Societies in Singapore*, hlm. 9.
- <sup>52</sup> Ling Yuen Hui 林遠輝 dan Zhang Ying Long (張應龍) *Sejarah Penghijrah Cina di Malaysia dan Singapura* (新加坡-馬來西亞華僑史), Chu Jie Qin (朱杰勤) (ed.), Siri Buku Sejarah Penghijrah Cina di Asia Tenggara (廣東高等教育), Pendidikan Tinggi Guang Dong Chu Ban She (東南亞華僑史) , 1991, hlm. 248.
- <sup>53</sup> Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, hlm. 1.
- <sup>54</sup> Sidek Fadzil, *Sejarah Orang Cina di Tanah Melayu*, hlm. 41.
- <sup>55</sup> Comber, *Secret Societies in Malaya*, hlm. 44.
- <sup>56</sup> Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies*, hlm.61.
- <sup>57</sup> Comber, *Secret Societies in Malaya*, hlm. 37.
- <sup>58</sup> Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies*, hlm. 54-55.
- <sup>59</sup> Comber, *Secret Societies in Malaya*, hlm.49-51; Blythe, *The Impact of Chinese Secret Societies*, hlm. 47 dan 58.
- <sup>60</sup> Li Yi Zhi, "Kongsi Gelap di Singapura" , hlm. 90.
- <sup>61</sup> Xu Yuen Jiao, "Hubungan Tian Ti Hui dengan Kongsi Gelap dan Singapura," hlm. 29-30.
- <sup>62</sup> "Minit dari En. Powell, Pelindung Orang Cina Negeri-negeri Selat kepada Setiausaha Tanah Jajahan," 26 Jun 1884, *Selangor Secretariat Fail (SSF selepas ini)*, 1335/84.
- <sup>63</sup> Blythe, *The Impact of Chinese Secret Society*, hlm. 258.
- <sup>64</sup> "Minit dari En. Powell, Pelindung Orang Cina Negeri-negeri Selat kepada Setiausaha Tanah Jajahan," 26 Jun 1884, *Selangor Secretariat Fail (SSF selepas ini)*, 1335/84.
- <sup>65</sup> "Memorandum dari Chong Bun Sin kepada Setiausaha Tanah Jajahan," 26 Jun 1884, *SSF*, 1335/1881.
- <sup>66</sup> James Wheeler Woodford Birch (J.W.W.Birch) pernah bertugas di Jabatan Perkhidmatan Awam Ceylon pada tahun 1870 sebelum memegang jawatan sebagai Setiausaha Tanah Jajahan di Singapura. Beliau telah dilantik sebagai Residen British yang pertama di Perak selepas Perjanjian Pangkor 1874 dan dibunuh pada November 1875. Comber, *Chinese Secret Societies in Malaya* , hlm.200 ; Blythe, *Impact of Chinese Secret Societies*, hlm. 154 dan 190 .
- <sup>67</sup> Sir Frank Athelstone Swettenham pernah bertugas di Jabatan Perkhidmatan Awam di Negeri-negeri Selat. Beliau telah dilantik sebagai Residen Jeneral di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896 dan menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat antara tahun 1901 hingga tahun 1904 . Comber,*Chinese Secret Societies in Malaya*, hlm. 176 .
- <sup>68</sup> Ibid., hlm. 231.

---

<sup>69</sup> Loke Yew , @ Bi Chen @ Yan Liang @ Lu Yu adalah pemajak dan pengusaha Cina yang terkenal. Beliau pernah dilantik sebagai ahli Sanitary Board di Kuala Lumpur dan Public Gardens Committee . Lee Kam Heng dan Chow Mun Seong (ed.), **Biographical Dictionary of the Chinese in Malaya**, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, 1997, hlm.124-124 .

<sup>70</sup> Blythe, **Impact of Chinese Secret Societies**, hlm. 260.

<sup>71</sup> "Second Constitution of Report on the Proceedings of Government relating to the Native State in the Malayan Peninsula- Rumbowe and Sungai Ujong," dalam *Government Papers Relating to the Malayan Peninsula 1870-1882*.

<sup>72</sup> Yen Ching Huang, **Sejarah Masyarakat Cina di Malaysia dan Singapura**,hlm. 177.

<sup>73</sup> Comber, **Chinese Secret Societies**, hlm. 231.

<sup>74</sup> "Memorandum dari Chong Bun Sin kepada Setiausaha Tanah Jajahan," 26 Jun 1884, *SSF, 1335/1884*.

<sup>75</sup> Emily Sadka, **The Protected Malay States**, hlm. 319.